



- 4 Pada hari ini, **dua (2) kluster** baharu dilaporkan:
- I. **Kluster Balibata**, melibatkan tiga (3) kes baharu di Beaufort dan Sandakan menjadikan jumlah kumulatif 35 kes. Kes indeks dikesan semasa saringan merentas negeri balik ke Semenanjung dari Sabah pada 11 Januari 2021 yang telah menghadiri pengebumian dan majlis tahlil arwah ibunya di Kg Balibata, Beaufort. Saringan kontak rapat pula mendapati 34 lagi individu positif termasuk empat (4) ahli keluarga di Sandakan. Aktiviti saringan masih giat dijalankan.
  - II. **Kluster KKIP Selatan** melibatkan tujuh (7) kes baharu di Kota Kinabalu dengan jumlah kumulatif 14 kes. Kes indeks dikesan melalui kes saringan individu bergejala pada 11 Januari 2021 di klinik kesihatan swasta dan merupakan individu bukan warganegara yang bekerja di kilang pembuatan mi. Saringan tempat kerja dan kontak rapat mendapati 13 lagi kes positif.
- 5 Daripada 406 kes positif COVID-19 yang dicatatkan, sebanyak 264 kes (65.02%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, saringan bergejala 77 kes (18.97%), saringan kluster baharu dan sedia ada 20 kes (4.93%), saringan pelajar masuk asrama tujuh (7) kes (1.72%), saringan tempat kerja enam (6) kes (1.48%) dan 32 kes (7.88%) adalah dari lain-lain kategori.
- 6 Jumlah kapasiti katil di Hospital COVID-19 adalah sebanyak 1,081 unit. Manakala, di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam pula berjumlah 4,634 unit. Jumlah katil di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / penjara pula kekal 1,100 unit menjadikan jumlah keseluruhan 6,815 unit. Peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 42.93%.

## **B. BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

Sehingga hari ini, sebanyak **319,730** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan sasaran.

**C. LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN UMUM *INFO ON WHEELS***

- 1 Dalam tempoh 24 jam, sebanyak 63 SJR telah dilaksana melibatkan pemeriksaan 37,290 kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 232 buah kenderaan diarah berpatah balik. Tiada tangkapan dibuat namun, 61 kompaun dikeluarkan atas kesalahan melanggar SOP COVID-19. PDRM juga telah melaksanakan 75 hebahan melalui kereta peronda.
- 2 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin yang melibatkan 45 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan tujuh (7) pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan.
- 3 Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 27 premis, di 11 buah daerah iaitu Kudat, Kunak, Beluran, Sook, Keningau, Kinabatangan, Kota Marudu, Lahad Datu, Sandakan, Semporna dan Kota Kinabalu.
- 4 Hebahan umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu telah dilaksanakan di 91 lokasi di 17 daerah. Hebahan dibuat dalam empat (4) bahasa iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Dusun, Bahasa Bajau dan Bahasa Iranun.

#### D. KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKP pada hari ini ialah **92.75%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Sipitang	95%
2	Ranau	94%
3	Kota Belud	94%
4	Kunak	94%
5	Tenom	94%
6	Beluran	94%
7	Kota Marudu	93.5%
8	Tuaran	93%
9	Keningau	93%
10	Kinabatangan	93%
11	Beaufort	93%
12	Sandakan	92%
13	Semporna	93%
14	Kudat	92%
15	Papar	92%
16	Kota Kinabalu	91.5%
17	Penampang	91%
18	Lahad Datu	91%
19	Tawau	91%

- 2 Pihak PDRM akan mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang ingkar pada SOP yang sedang berkuat kuasa dengan mengenakan **kompaun RM1000.00** di bawah **Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988)**.
- 3 Orang ramai dinasihatkan untuk terus patuhi SOP dan arahan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa bagi membendung penularan pandemik COVID-19.

**Dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini, duduklah di rumah jika tiada urusan penting dan bersama-sama kita membendung penularan jangkitan wabak COVID-19.**

**#kitajagakita #normabaharu**

Sekian.

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
20 Januari 2021**